

PERSEPSI GURU BUKAN OPSYEN TENTANG PENGAJARAN BAHASA ARAB : SATU KAJIAN TERHADAP GURU PENDIDIKAN ISLAM DI BEBERAPA SEKOLAH RENDAH AGAMA JAIS DAERAH HULU LANGAT SELANGOR

Non-Option Teachers' Perception towards Arabic Language Teaching: A Study on Islamic Education Teachers in Several JAIS Primary Religious Schools in Hulu Langat District, Selangor

Haslina Hamzah, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Izzuddin Mohd Pisol,
Julia Madzalan & Syed Mohd Najib Syed Yahya
haslina@kuis.edu.my, shamshinar@kuis.edu.my, mohdizzuddin@kuis.edu.my
julia@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi guru pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab sebagai mata pelajaran bukan opsyen. Dapatan kajian ini diperoleh menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) yang menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 142 orang responden dari 33 buah Sekolah Rendah Agama (SRA) di sekitar daerah Hulu Langat, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran bahasa Arab adalah baik dan berada pada tahap tinggi. Majoriti responden bersetuju bahawa pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang minat dan berkeyakinan yang tinggi, mampu menarik minat pelajar dan guru yang mempunyai motivasi yang tinggi. Terdapat cabaran dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab seperti kurang menguasai kosa kata untuk berkomunikasi. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk membantu guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab seperti guru perlu menguasai kosa kata bahasa Arab, mendapatkan pendedahan tentang kaedah pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing dan mempunyai kesedaran terhadap kepentingan mengikuti program perkembangan akademik secara berterusan. Justeru, guru Pendidikan Islam perlu lebih yakin dan bersedia dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah terhadap tugas pengajaran bahasa Arab.

Kata Kunci: Guru Pendidikan Islam, Guru Bukan Opsyen, Pengajaran Bahasa Arab.

ABSTRACT

This study is conducted in order to identify the perception of Islamic education teachers in teaching Arabic language as a non-option subject. The findings of this research were collected using survey method by utilising a set of questionnaire distributed to 142 respondents from 33 Primary Religious Schools (SRA) in the district of Hulu Langat, Selangor. The study shown that the perception of Islamic education teachers towards Arabic language teaching was at a high level. Majority of the respondents agreed that Arabic language teaching requires teachers – with high passion and confidence; able to attract students to the lesson; and with high motivation level. There were several challenges in teaching Arabic language such as lack of vocabulary for communication purpose. Suggestions were made to help Islamic education teachers in teaching Arabic language such as the need of teachers to have enriched Arabic language vocabularies, getting exposure regarding the teaching of Arabic language as a foreign language and having the realisation towards the importance of undergoing continuous academic development programmes. Hence, Islamic education teachers need to be more prepared and confident in carrying out the duty of teaching Arabic language.

Keywords: *Islamic Education Teachers, Non-Option Teachers, Arabic Language Teaching.*

1.0 PENGENALAN

Di dalam bidang pendidikan terdapat dua kategori guru berdasarkan kepada kelayakan ikhtisas. Guru yang mendapat latihan ikhtisas dalam bidang tertentu dan mengajar subjek berkaitan dikenali sebagai “guru mengikut opsyen” manakala guru yang mengajar subjek berlainan daripada kelayakan ikhtisas dikenali sebagai “guru bukan opsyen”. Dewasa ini, kualiti pengajaran guru amat diutamakan kerana keperluan semasa dalam sektor pendidikan semakin hari semakin berkembang selari dengan teknologi. Berdasarkan kajian terkini oleh Nazri Atoh et.al. (2014) menegaskan bahawa guru bahasa Arab yang berkualiti adalah guru di dalam opsyen bahasa Arab itu sendiri. Ini menunjukkan betapa pentingnya guru yang mengajar bahasa Arab adalah di kalangan mereka yang mendapat latihan khusus dalam bahasa Arab.

Dalam pengajaran, bahasa memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi dan perantara manusia. Ahmad Kilani (2001), menyatakan bahawa bahasa adalah alat komunikasi antara manusia. Bahasa pertuturan seharian digunakan di sekolah sebagai alat komunikasi. Justeru, bahasa amat berpengaruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah dengan berlakunya interaksi sosial antara guru dan pelajar. Hal ini kerana guru-guru berinteraksi dengan murid secara individu hampir setiap hari (Abdul Rasid Jamian et.al. 2014).

Menurut Ab. Rahim & Naimah (2004), usaha memantapkan proses pengajaran bahasa terlebih dahulu seorang pengajar bahasa harus mengenal pasti setiap isu dan permasalahan yang sering timbul sama ada yang berkaitan dengan bahasa yang diajar, situasi pembelajaran, isu yang berkaitan dengan pihak pelajar ataupun pihak pengajar sendiri. Bagi guru yang mengajar subjek bukan opsyen pula, nilai budi yang tinggi amat dititikberatkan dengan cara memberi komitmen yang tinggi walaupun diminta untuk mengajar subjek yang bukan opsyen.

2.0 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai isu PdP bahasa Arab, di antaranya ialah kajian Noor Shamshinar et. al. (2015) berkenaan “Kesediaan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Bahasa Arab : Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Diploma Perguruan Pendidikan Islam di KUIS” yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Arab serta cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam mendapati terdapat ENAM cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam iaitu, i) tidak menguasai dan sukar memahami bahasa Arab; ii)

penguasaan yang rendah terhadap kosa kata Arab; iii) tiada keyakinan diri untuk mengajar subjek bahasa Arab; iv) tidak menunjukkan usaha secara bersendirian bagi menguasai bahasa Arab; v) iklim sekolah yang tidak membantu; dan vi) guru merasakan bahawa mereka telah berada dalam zon selesa. Kajian mendapati punca utama masalah ini berlaku adalah kerana masih terdapat kekurangan guru bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama, bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan sekolah menyerahkan tugas mengajar subjek bahasa Arab kepada guru Pendidikan Islam walaupun mereka tidak mempunyai persediaan yang sepenuhnya terhadap bahasa Arab.

Bagi Ali Bin Muda (2012), dalam kajiannya yang bertajuk “Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tinggi dari perspektif guru sekolah agama bantuan kerajaan (SABK)” yang menunjukkan bahawa penyediaan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab (SPBA) terlalu tinggi berbanding tahap keupayaan pelajar berkenaan penguasaan tulisan jawi dan membaca al-quran. Penggunaan kurikulum ini yang dilaksanakan secara menyeluruh kepada semua peringkat pelajar sama ada yang cemerlang ataupun lemah dalam pelajaran mereka adalah tidak sesuai. Hal ini menyebabkan pelajar yang lemah dalam pelajaran tidak dapat mengikut proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Tambahan pula pelaksanaannya di dalam kelas yang menggunakan kaedah penguasaan pada hari ini adalah sangat tidak sesuai. Oleh yang demikian, dapatan kajian menyarankan penyedia SPBA perlu menganalisis terlebih dahulu kurikulum yang ingin digubal dan mestilah selari dengan keperluan pelajar di sekolah untuk mengatasi masalah ini.

3.0 PENYATAAN MASALAH

Nazri Atoh et.al. (2014), menyatakan bahawa ciri-ciri guru bahasa Arab yang berkualiti adalah opsyen pengajian mereka mestilah dalam bahasa Arab samada di peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana atau Doktor Falsafah (PhD). Hal ini disebabkan guru yang memahami sesuatu perkara itu yang selayaknya menyampaikan ilmu berkenaan dan seorang guru bahasa Arab yang berkesan adalah guru yang memperoleh ilmu pengetahuan yang lengkap dalam bahasa Arab.

Namun demikian, terdapat isu mengenai sebahagian pelajar yang tidak minat terhadap bahasa Arab kerana beranggapan bahasa Arab susah untuk dipelajari. Isu ini merupakan satu isu yang juga berkaitan dengan pengajaran guru. Walaupun terdapat kajian-kajian yang menunjukkan kelemahan pelajar dalam bahasa Arab adalah disebabkan mereka sendiri sepertimana menurut Abdul Aziz Musa (1998), Che Kamarudin Kamel Che Muhammad (1999), Abdul Ghani Md Hassan (1999) dan Mohd

Fazli Ismail & Mohd Sukki (2012), tetapi jika dilihat mengenai pengajaran guru masih terdapat sebilangan guru tidak melaksanakan pengajaran dengan baik seperti penggunaan kaedah pengajaran yang tidak sesuai, laras bahasa yang digunakan oleh guru terlalu lemah dan terdapat juga guru yang mengajar subjek bahasa Arab bukan dalam kalangan guru bahasa Arab.

Selain itu, berdasarkan kepada pemantauan serta maklumat yang diperolehi oleh penyelidik hasil daripada penyeliaan latihan mengajar mendapati bahawa masih ramai lagi guru yang mengajar bahasa Arab di SRA di daerah Hulu Langat bukan di dalam opsyen bahasa Arab. Oleh itu, satu penyelidikan telah dijalankan untuk meninjau tahap persepsi guru pendidikan Islam dalam mengajar bahasa Arab sebagai mata pelajaran bukan pilihan.

3.1 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 3.1.1 Mengetahui tahap persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran bahasa Arab.
- 3.1.2 Mengetahui masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab.
- 3.1.3 Mengemukakan cadangan yang dapat membantu guru Pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab lebih berkesan.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kuantitatif dengan satu set borang soal selidik disediakan untuk memperoleh data kajian. Kajian ini melibatkan kuantiti responden yang ramai dan amat bersesuaian menggunakan bentuk kajian kuantitatif bagi mendapatkan data. Hal ini bertepatan dengan pendapat Ary dan Jacobs (1990) yang menyatakan bahawa kebaikan menggunakan kaedah soal selidik adalah melibatkan responden yang ramai, lebih luas dan menyeluruh. Kajian ini dilakukan di sekolah sekitar Hulu Langat, Selangor dengan melibatkan 33 buah sekolah kesemuanya. Kesemua sekolah yang terlibat adalah daripada Sekolah Rendah Agama, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Responden kajian ini adalah guru Pendidikan Islam iaitu guru bukan opsyen dalam mengajar bahasa Arab. Kajian ini menggunakan guru Pendidikan Islam sebagai responden berikutan kebanyakan sekolah mengambil guru Pendidikan Islam untuk mengajar mata pelajaran bahasa Arab. Bertepatan dengan kajian Ali Muda (2012), kerap berlaku guru yang dilatih di bawah opsyen Pendidikan Islam

dihantar mengajar di sekolah yang memerlukan guru opsyen bahasa Arab. Sebaliknya guru yang dilatih di bawah opsyen bahasa Arab dihantar mengajar di sekolah yang tidak menawarkan mata pelajaran bahasa Arab, lalu ditugaskan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini berlaku kerana pihak pengurusan beranggapan bahawa ustaz dan ustazah boleh mengajar bahasa Arab dan Pendidikan Islam. Guru pendidikan yang menjadi responden ini mempunyai pelbagai latar belakang dari aspek jantina, kelulusan ikhtisas, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik.

Metod pengumpulan data adalah menggunakan persampelan rawak mudah berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Mohd Majid (2005), persampelan rawak mudah menghendaki setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk diambil atau digunakan sebagai sampel. Selain itu, persampelan rawak mudah sesuai dilakukan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam.

Borang soal selidik yang digunakan tersebut tertumpu kepada persoalan kajian yang berkaitan tahap persepsi guru-guru bukan opsyen terhadap pengajaran bahasa Arab. Menurut Tuckman (1978), instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden dan Ary dan Jacobs (1990), berpendapat bahawa kebaikan menggunakan kaedah soal selidik adalah melibatkan responden yang ramai, lebih luas dan menyeluruh.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Persepsi guru pendidikan Islam tentang pengajaran bahasa Arab secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan (min=4.212, sp=0.597). Item dalam bahagian persepsi ini berada pada dua tahap iaitu sederhana tinggi dan tinggi, manakala min yang terendah dan tertinggi pula adalah pada item 1 dan 10 dengan masing-masing mencatat (min=3.542, sp=0.847) dan (min=4.416, sp=0.746).

Jadual 1: Persepsi Guru Pendidikan Islam Tentang Pengajaran Bahasa Arab

Bil	Item	Kekerapan & Peratus (N= 142)					Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS			
1	Pengajaran bahasa Arab adalah satu	2 (1.4%)	16 (11.3%)	38 (26.8%)	75 (52.8%)	11 (7.7%)	3.542	0.847	ST

	perkara yang mudah.								
2	Pengajaran bahasa Arab adalah satu perkara yang penting.	4 (2.8%)	2 (1.4%)	1 (7.0%)	70 (49.3%)	66 (45.8%)	4.338	0.816	T
3	Pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang meminati bahasa Arab.	4 (2.8%)	8 (5.6%)	11 (7.7%)	55 (38.7%)	64 (45.1%)	4.176	0.991	T
4	Penguasaan bahasa Arab diperlukan untuk mengajar bahasa Arab.	2 (1.4%)	3 (2.1%)	3 (2.1%)	60 (42.3%)	74 (52.1%)	4.416	0.765	T
5	Bahasa Arab dijadikan bahasa pengantar untuk mengajar bahasa Arab.	1 (0.7%)	6 (4.2%)	20 (14.1%)	80 (56.3%)	35 (24.6%)	4.000	0.790	ST
6	Pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang dapat menarik minat murid.	3 (2.1%)	2 (1.4%)	6 (4.2%)	75 (52.8%)	56 (39.4%)	4.261	0.787	T
7	Pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang berkeyakinan tinggi.	2 (1.4%)	4 (2.8%)	12 (8.5%)	61 (43.0%)	63 (44.4%)	4.261	0.839	T
8	Pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang	1 (0.7%)	2 (1.4%)	5 (3.5%)	64 (45.1%)	70 (49.3%)	4.409	0.696	T

	mempunyai kesungguhan.								
9	Pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang bermotivasi tinggi.	1 (0.7%)	5 (3.5%)	5 (3.5%)	70 (49.3%)	61 (43.0%)	4.303	0.763	T
10	Pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang mahir menggunakan kemahiran bahasa.	2 (1.4%)	2 (1.4%)	4 (2.8%)	61 (43.0%)	73 (51.4%)	4.416	0.746	T
Min Keseluruhan							4.212	0.597	T
Persepsi Guru Pendidikan Islam Tentang Pengajaran Bahasa Arab									

Sumber: Kajian Lapangan, 2015

Jadual 1 menunjukkan skor min bagi persepsi guru pendidikan Islam tentang pengajaran bahasa Arab. Keseluruhannya adalah berada antara nilai 3.544 hingga 4.416. Ini menunjukkan bahawa persepsi guru pendidikan Islam terhadap pengajaran bahasa Arab berada pada tahap yang baik. Sebanyak lapan item berada pada tahap tinggi iaitu nilai (min=4.01) ke atas dan dua item lagi pada tahap sederhana tinggi dengan mencapai nilai (min=3.01) ke atas.

Item yang mencatat nilai terendah iaitu berada pada tahap sederhana tinggi adalah item 1 "*Pengajaran bahasa Arab adalah satu perkara yang mudah*" dengan nilai skor min = 3.542. Seramai 11 orang guru (0.847%) sangat setuju dan 75 orang guru (52.8%) setuju dengan pernyataan tersebut. Sebaliknya 38 orang guru (26.8%) kurang setuju, 16 orang guru (11.3%) tidak setuju dan 2 orang guru (1.4%) sangat tidak setuju dengan pengajaran bahasa Arab bukan perkara yang mudah.

Manakala item yang mencatat nilai skor kedua terendah juga berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item 5 "*Bahasa Arab dijadikan bahasa pengantar untuk mengajar bahasa Arab*" dengan nilai min = 4.000. Seramai 35 orang guru (24.6%) sangat setuju dan 80 orang guru (56.3%) setuju bahawa bahasa Arab perlu dijadikan bahasa pengantar untuk mengajarnya. Manakala, seramai 20 orang guru (14.1%)

kurang setuju, 6 orang guru (4.2%) tidak setuju dan 1 orang guru (0.7%) sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Nilai skor ketiga terendah pula berada pada item 3 "*Pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang meminati bahasa Arab*" yang mencatat tahap tinggi dengan nilai min = 4.176. Seramai 64 orang guru (45.1%) sangat setuju dan 55 orang guru (38.7%) setuju bahawa pengajaran bahasa Arab memerlukan minat mendalam. Manakala seramai 11 orang guru (7.7%) kurang setuju, 8 orang guru (5.6%) tidak setuju dan 4 orang guru (2.8%) sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti guru beranggapan bahawa pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang meminati bahasa Arab.

Nilai skor tertinggi adalah berada pada item 4 dan 10 dengan nilai min = 4.416. Bagi item 4 "*Penguasaan bahasa Arab diperlukan untuk mengajar bahasa Arab*", seramai 74 orang guru (52.1%) sangat setuju dan 60 orang guru setuju (42.3%) terhadap keperluan penguasaan bahasa Arab dalam pengajaran bahasa Arab. Kajian juga mendapati seramai 3 orang guru (2.1%) kurang setuju, 3 orang guru (2.1%) tidak setuju dan 2 orang guru (1.4%) sangat tidak setuju dengan pernyataan item tersebut. Manakala bagi item 10 "*Pengajaran bahasa Arab memerlukan guru yang mahir menggunakan kemahiran bahasa*" seramai 73 orang guru (51.4%) sangat setuju dan 61 orang guru (43.0%) setuju berkenaan guru berkemahiran bahasa diperlukan dalam pengajaran bahasa Arab. Hasil dapatan juga mendapati 4 orang guru (2.8%) kurang setuju, 2 orang tidak setuju (1.4%) dan 2 orang (1.4%) sangat tidak setuju.

Justeru itu, dapatan item 4 dan 10 jelas menunjukkan bahawa dalam pengajaran bahasa Arab, guru perlu menguasai bahasa Arab itu sendiri dan mempunyai kemahiran dalam berbahasa Arab. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati persepsi guru Pendidikan Islam tentang pengajaran bahasa Arab adalah berada pada tahap tinggi dengan skor (min=4.212, sp=0.597).

6.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN

Kebijaksanaan guru mengurus pengajaran adalah penting di samping menggalas tanggungjawab yang besar untuk memastikan pengajaran bahasa Arab berjalan dalam keadaan yang dinamik dan aktif serta dapat memberi impak yang maksimum kepada para pelajar. Kesemua ini memerlukan kepada perhatian dan kesungguhan daripada guru bahasa Arab walaupun mereka tidak mempunyai ikhtisas dalam bidang tersebut.

Berdasarkan kajian ini, terdapat **dua (2) persepsi guru** yang boleh dijadikan sebagai masalah bagi guru-guru Pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab walaupun secara amnya persepsi mereka terhadap pengajaran bahasa Arab adalah tinggi iaitu **pengajaran bahasa Arab adalah satu perkara yang mudah dan bahasa Arab dijadikan bahasa pengantar untuk mengajar bahasa Arab.**

Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua persepsi tersebut menjadi penghalang untuk guru pendidikan Islam menggalas tanggungjawab melaksanakan pengajaran bahasa Arab dengan baik. Mereka merasakan bahawa pengajaran bahasa Arab suatu yang agak susah dan mereka perlu berkomunikasi dalam bahasa Arab ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Baharuddin & Shahman (2012), kebanyakan institusi agama di Malaysia hari ini menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa utama dan bahasa pengantar di dalam kitaran hidup harian guru dan pelajar di sekolah. Dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab, penguasaan bahasa Arab yang baik sangat penting. Pengajaran bahasa Arab bukan sahaja dipikul oleh guru opsyen bahasa Arab malah turut dimainkan oleh guru Pendidikan Islam. Sepertimana yang dinyatakan oleh Rosni Samah (2009), penguasaan ilmu bahasa Arab yang baik penting untuk mendalami ilmu-ilmu Islam. Tanpa bahasa Arab yang baik ulama-ulama tidak akan dapat memahami ilmu Islam secara mendalam. Dengan adanya penguasaan ilmu bahasa Arab yang baik juga, ulama-ulama (guru bahasa Arab atau guru Pendidikan Islam) dapat pula menyampaikan ilmu-ilmu Islam dengan lebih berkesan.

Oleh itu, bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dan menambahkan kosa kata bahasa Arab untuk tujuan komunikasi adalah dengan mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Guru Pendidikan Islam sendiri perlu mengatasi masalah-masalah tersebut supaya keupayaan menguasai bahasa Arab dapat diperkasakan bagi melahirkan generasi guru Pendidikan Islam yang berwibawa yang dapat berinteraksi dalam arus perdana pendidikan dan pasaran kerja. Mereka juga perlu meneroka tentang kemahiran-kemahiran pengajaran bahasa Arab seperti penerangan yang dibuat oleh guru mesti jelas dan selaras dengan keperluan pelajar. Sementara bahasa yang guru gunakan hendaklah mudah difahami.

Masalah komunikasi bahasa Arab serta kemahiran-kemahiran bahasa kepada guru Pendidikan Islam dapat di atasi sekiranya guru mempunyai minat dan iltizam yang tinggi dan mantap untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Dengan sifat ini, guru-guru tanpa dipaksa akan terus belajar, mencari, menerokai, mendalami dan mengajar ilmu dengan lebih berkesan (IKIM : t.t). Di samping itu, dengan

adanya usaha yang berterusan segala kelemahan yang dialami tersebut dapat di atasi dan dapatlah guru membina keyakinan diri dalam pengajaran bahasa Arab.

Antara cadangan-cadangan yang dapat membantu guru Pendidikan Islam yang tidak mempunyai ikhtisas atau opsyen dalam bidang bahasa Arab, sedangkan mereka perlu mengajar subjek bahasa Arab ialah :

- i. Guru perlu mempunyai inisiatif diri yang tinggi untuk mendalami ilmu asas bahasa Arab seperti menghadiri kelas-kelas tuisyen bagi menguasai ilmu bahasa Arab dengan lebih baik.
- ii. Guru perlu mempunyai kesedaran dan tindakan yang proaktif kerana ia bukan sahaja dapat memenuhi aspirasi mencapai kecemerlangan diri atau pembangunan potensi guru bahkan turut memberi faedah yang besar kepada para pelajar.
- iii. Guru perlu rajin membaca untuk melengkapkan diri dengan maklumat serta perkembangan terbaru dalam pelbagai pengetahuan untuk membolehkannya lebih cekap dan berwibawa untuk mengatasi dan menangani tuntutan perubahan dalam dunia pendidikan.
- iv. Guru perlu menghadiri seminar-seminar dan bengkel yang berkaitan untuk meningkatkan kepakarannya.
- v. Guru perlu peka dengan pengetahuan-pengetahuan am yang boleh membantunya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan di sekolah.
- vi. Guru perlu peka terhadap minat, kebolehan serta keperluan dirinya di samping suasana sosioemosi serta set mental dalam pengajaran bahasa Arab.
- vii. Guru perlu mendapatkan pendedahan tentang kaedah pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing kerana kaedah pengajaran bahasa Arab agak berbeza dengan kaedah pengajaran subjek lain.
- viii. Guru perlu mengelak diri daripada berada di dalam 'zon selesa' iaitu berasa cukup dengan ilmu yang ada atau hanya bergantung kepada buku teks semata-mata sedangkan mereka masih perlu mempelajari selok belok pengajaran bahasa Arab yang sebenar.
- ix. Latihan dalam perkhidmatan perlu disediakan bagi memantapkan pengajaran bahasa Arab.

7.0 SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini dapat membantu menambahbaik sistem pendidikan negara dan masyarakat secara umumnya dan para guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Agama di daerah Hulu Langat Selangor khususnya dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab di negara

ini. Seterusnya ia juga dapat memberi pelbagai manfaat khususnya kepada JAIS, sekolah, guru serta semua pihak yang terlibat seperti institusi pengajian tinggi dan semua badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan dalam memastikan kualiti pendidikan bahasa Arab di peringkat sekolah dilaksanakan dengan baik.

7.1 Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Hasil kajian mendapati terdapat guru yang tidak mempunyai kelayakan ikhtisas. Hal ini dapat diatasi jika JAIS dapat mewajibkan guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan ikhtisas untuk menyambungkan pengajian di peringkat diploma lanjutan di institusi pengajian yang menawarkan program tersebut.

Kelemahan guru dalam menguasai bahasa Arab jelas terlihat melalui hasil dapatan kajian yang dilakukan. Maka, amat bersesuaian sekiranya Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) dijalankan kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) secara berkala dengan bantuan dan jaringan daripada institusi pendidikan awam mahupun swasta bagi mata pelajaran bahasa Arab tersebut.

Permasalahan ini berpunca daripada kelalaian serta kelemahan di semua pihak. Maka, permurnian usaha ke arah kecemerlangan dapat dilakukan dengan mewujudkan perjanjian persefahaman (MoU) antara sekolah, Jabatan Agama Islam Selangor bersama institusi pendidikan awam mahupun swasta dalam memantapkan penguasaan pedagogi mata pelajaran bahasa Arab ini. Kurikulum bahasa Arab yang digunakan pada peringkat Sekolah Rendah Agama didapati tidak menerapkan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Maka, dicadangkan agar terdapat usaha menambahbaik buku teks bahasa Arab dengan memasukkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) supaya elemen ini tidak diabaikan kerana ia ditekankan dalam kurikulum pendidikan kebangsaan.

Hasil kajian turut mendapati guru-guru tidak menerapkan elemen kemahiran berbahasa dalam pengajaran mereka. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar rancangan pengajaran harian guru (RPH) perlu mempunyai RPH yang lebih

terperinci. Hal ini kerana pengajaran bahasa ini memerlukan kemahiran berbahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Mohd Nawawi, 2015).

7.2 Pusat Kegiatan Guru (PKG)

Pusat Kegiatan Guru (PKG) juga dicadangkan untuk turut memainkan peranan dalam membantu guru-guru Pendidikan Islam terhadap tugas mengajar subjek bahasa Arab seperti melaksanakan perkara-perkara berikut :

7.2.1 Kelemahan guru bertutur dalam bahasa Arab semasa pengajaran amat ketara berdasarkan hasil kajian yang dilakukan. Justeru, mengadakan siri bengkel yang berkaitan dengan pengucapan awam seperti kemahiran bertutur dalam bahasa Arab bagi meningkatkan kemampuan guru berkomunikasi dalam bahasa Arab khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

7.2.2 Usaha lain yang difikirkan bersesuaian bagi PKG melaksanakan adalah mengenalpasti buku rujukan yang bersesuaian sebagai panduan kepada guru. Kelemahan sumber rujukan guru-guru tersebut menyebabkan penguasaan bahasa Arab guru amat lemah.

7.3 Unit Pendidikan, Pejabat Agama Daerah

Kajian mendapati masalah guru bukan opsyen bahasa Arab adalah lemah penguasaan bahasa Arab. Bagi mengatasinya, pemantauan secara berkala di setiap sekolah oleh Unit Pendidikan, Jabatan Agama Daerah difikirkan amat relevan bagi meningkatkan penguasaan dan kemahiran mengajar bahasa Arab guru tersebut.

7.4 Pentadbiran Sekolah

Pentadbir sekolah merupakan salah satu golongan yang perlu berusaha melaksanakan segala keperluan yang diperlukan oleh guru terutama dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Sudah semestinya mereka mewujudkan kerjasama dengan pihak guru seperti:

- a. Memberi pendedahan tentang teknik pengajaran yang berkesan dengan cara menghantar guru-guru mengikuti kursus, latihan dan seminar berkaitan bahasa Arab.
- b. Cuti persekolahan yang panjang perlu digunakan sebaik mungkin bagi mengadakan bengkel penyediaan bahan pengajaran dan pendekatan pengajaran yang berkesan supaya kualiti pengajaran tidak terganggu dengan tugas lain semasa sesi persekolahan.
- c. Menyediakan buku latihan sebagai rujukan kepada guru bagi aktiviti pengukuhan semasa PdP dan pembinaan penggubalan soalan peperiksaan.
- d. Berusaha mewujudkan biah Arabiah dengan cara menggalakkan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan guru pada peringkat permulaan.
- e. Menyediakan buku-buku yang sesuai untuk menimbulkan minat guru dan pelajar terhadap bahasa Arab.

8.0 KESIMPULAN

Kajian mengenai persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengajaran bahasa Arab secara amnya menunjukkan guru bersedia menerima segala tanggungjawab yang diberikan kepada mereka dan berusaha untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan sebaik yang mungkin. Hal ini dapat dilihat menerusi kebanyakan item berada pada tahap tinggi. Justeru, nilai positif yang ditunjukkan ini merupakan satu nilai yang perlu ada pada setiap guru khususnya guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam pengajaran bahasa Arab bagi memastikan objektif pendidikan tercapai.

Walaupun kajian yang dijalankan ini hanya berbentuk kajian tinjauan persepsi guru pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab sebagai mata pelajaran bukan opsyen, namun untuk mendapatkan ketepatan dari segi dapatan, satu kajian berbentuk pemerhatian (*observation*) atau temubual (*interview*) dengan guru pendidikan Islam perlu dilakukan untuk kajian yang seterusnya. Kajian ini juga boleh dibuat penambahbaikan dengan menggunakan sampel kajian yang besar dengan melibatkan beberapa daerah di negeri Selangor bagi meningkatkan lagi kepercayaan kajian.

RUJUKAN

- Abd. Aziz Musa. (1998). Pengajaran Nahu Bahasa Arab: Satu Kajian Kes Di Maahad Muhammadi Kota Bharu, Kelantan (Dissertation M.M.L.S). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Abdul Ghani Md. Hassan. (1999). Kesilapan Membina Ayat Asas Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 45-57.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Skudai: UTM.
- Ali Bin Muda. (2014). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi Dari Perspektif Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Prosiding Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12).
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (1990). *Introduction to research in education* (4th ed.). Fort Worth, TX: Holt, Rinehart, and Winston.
- Azizah Lebai Nordin. (1999). *Guru Pendidikan Islam yang Berkesan. Masalah Pendidikan*. Jilid 22. Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Baharuddin, Shahman. (2012). *Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu*. Masters Thesis, Universiti Malaya.
- Bruce W.Tuckman. (1978). *Conducting Educational Research*. (2nd ed.). Harcourt Brace Jovanovich.
- Che Kamarul Kamel Che Muhammad. (1999). Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Arab. Ijazah Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Melayu, Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 596-608.
- Mohd Fazli Ismail&Mohd Sukki. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran bahasa arab:Satu tinjauan di SMAP

Kajang. Prosiding Program Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12).

Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Naimah Abdullah. (2004). Peranan penyelidikan dalam usaha menyelesaikan isu-isu dan permasalahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 8-9 Oktober, 2004.

Nazri Atoh et.al. (2014), Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal. Prosiding Semidar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014.

Noor Shamshinar Zakaria, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Kamal Din. (2014). Kesiediaan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran bahasa Arab: satu kajian terhadap guru pelatih Diploma Perguruan Pendidikan Islam di KUIS. Jurnal Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Rosni Samah. (2009). Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. USIM.